

**Proceeding**

# **iCompEx'17**

**Peringkat Kebangsaan**

**National Innovation And Invention  
Competition Throught Exhibition 2017**

**21, 22 & 23 Mac 2017  
Politeknik Sultan Abdul Halim  
Mu'adzam Shah  
(POLIMAS)**

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

**SOARING  
UPWARDS**  
SPECIAL EDUCATION



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## **Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes Dikolej Komuniti Kuala Langat**

**Mohd Zainudin Bin Jenal**  
**Kolej Komuniti Kuala Langat**  
(E-mail: zackbinzacky@gmail.com)

### **Abstrak**

*Penggunaan telefon bimbit kini tidak lagi semata-mata berfungsi sebagai alat berkomunikasi, malah dengan wujudnya telefon pintar yang menawarkan pelbagai aplikasi turut memberi manfaat dalam bidang pendidikan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti penggunaan telefon pintar menerusi sistem rangkaian media sosial Telegram dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat. Penggunaan tersebut dilihat dari perspektif pengajaran dan pembelajaran. Satu set soal selidik digunakan untuk mengumpul data bagi pelajar yang mengambil modul matematik di Kolej Komuniti Kuala Langat. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20, untuk mengkaji penggunaan aplikasi media sosial Telegram dari aspek persepsi pelajar yang mengambil modul matematik. Sistem rangkaian media sosial ini telah diaplikasikan untuk tujuan pendidikan modul matematik bagi memudahkan pelajar untuk mencari maklumat dan berkomunikasi di antara satu sama lain. Menerusi aplikasi Telegram ini juga membolehkan pelajar dan pensyarah berinteraksi di luar waktu kuliah membincangkan dan membuat pengukuhan serta refleksi bagi subjek tersebut. Kaedah pembelajaran pelajar pada masa kini lebih fleksibel dan tidak membosankan dengan mengubah dimensi kaedah pembelajaran matematik di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat. Data dikutip daripada responden dengan menggunakan soal selidik berskala Likert serta dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, peratusan dan min. Kajian yang digunakan ialah menerusi soal selidik bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesan penggunaan aplikasi telegram ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberi kesan yang positif dengan nilai min 4.00 ke atas. Kajian ini membuktikan bahawa aplikasi telegram yang berbentuk akademik digalakkan dan diteruskan kerana ianya memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik kepada pelajar.*

**KATA KUNCI:** persepsi, minat, telegram, kaedah pembelajaran

### **1. PENGENALAN**

Sejajar dengan perkembangan dunia dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, khususnya menerusi aplikasi media sosial, proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam pendidikan dilihat sebagai antara aspek yang terkesan hasil dari gelombang ledakan teknologi maklumat pada era globalisasi ini. Dahulunya proses pengajaran dan pembelajaran hanya berlaku dalam bilik darjah dan menggunakan bahan seperti buku-buku sahaja, namun kini dengan kewujudan dan kemudahan internet menjadikan segala maklumat dan ilmu pengetahuan boleh dicapai dimana-mana sahaja menggunakan telefon pintar tanpa kekangan masa dan tempat. Telefon pintar dan gajet pintar kini bersifat mudah alih yang memberi ruang kepada pengguna untuk mengakses maklumat tidak kira bila dan di mana sahaja. Sejajar dengan perkembangan semasa di mana semua maklumat dapat disalurkan dengan

cepat menerusi media sosial, proses pengajaran juga terkesan menerusi perkongsian di media sosial telegram yang berlaku secara pantas dalam talian. Perkongsian maklumat ini dirangkaian media sosial telegram merupakan satu bentuk pendekatan pembelajaran yang lebih bermakna. Pemilikan telefon pintar telah menjadi sebahagian daripada keperluan dalam kehidupan seharian. Kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) menerusi laporan kandungan Laporan Penyelidikan Media Berangkaian Jilid 2 (2014) kajian yang bertajuk *Internet Users Survey 2016 mendapati 80% rakyat malaysia menggunakan rangkaian media sosial di atas talian setiap hari.*

Kajian-kajian yang telah dijalankan di beberapa negara menunjukkan perkembangan dan penerimaan yang positif dalam kalangan pengguna khususnya para pelajar universiti. Di United Kingdom misalnya Dayne, Wharrad & Watts (2012) melaporkan bahawa para pelajar menyokong penuh usaha penggunaan telefon pintar serta aplikasi mudah alih digunakan dalam pembelajaran. Uys et al. (2012) melaporkan para pelajar dalam kajian mereka menghabiskan masa sebanyak 16 jam sehari secara purata untuk penggunaan telefon pintar. Walau bagaimanapun, kebanyakan masa ini digunakan untuk tujuan berinteraksi secara sosial bersama para rakan serta tiada data tentang penggunaan untuk pembelajaran dilaporkan.

Kepelbagaian kaedah mengajar yang diterapkan di sesuatu institusi pendidikan akan mengubah corak penyampaian serta memberi impak terhadap prestasi atau perkembangan bukan hanya kepada para pelajar malahan turut mempengaruhi inovasi dan kreativiti penyampaian tenaga pengajar itu sendiri. Pengajaran dan pembelajaran tidak setakat dipraktikkan secara konvensional dimana tenaga pengajar memfokuskan aktiviti ini di bilik kuliah semata-mata malahan sepatutnya selaras dengan arus perkembangan fasiliti teknologi maklumat itu sendiri. Pendidikan yang salah ialah apabila mendidik mereka dengan cara terdahulu iaitu tidak mengikut zamannya (Aminudin Mansor, 2014). Menurut Mok Soon Sang (1992) bahan bantu belajar merupakan intipati dalam membantu guru bagi melicinkan dan melancarkan pengajaran dalam usaha memudahkan pelajar memahami konsep dan isi serta fakta dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui penggunaan bahan interaktif yang pelbagai, pembelajaran secara interaktif akan menarik minat, perhatian para pelajar, serta menimbulkan rasa ingin tahu yang mendalam. Oleh itu, pensyarah harus bijak memilih kaedah pengajaran yang paling sesuai untuk para pelajarnya kerana ia dapat membantu pensyarah tersebut menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bermakna dan menarik serta mampu memperkembangkan bakat dan potensi pelajar dalam mencapai objektif Falsafah Pendidikan Negara.

### **1.1 Latarbelakang masalah**

Isu pengajaran tradisional mempengaruhi dua aspek utama iaitu minat dan tidak cepat bosan terhadap subjek berkenaan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), minat adalah keinginan, kesukaan, kecenderungan kepada sesuatu Perkataan bosan pula ditakrif sebagai perasaan sudah tidak suka atau jemu. Pembelajaran secara tradisional ini selalunya menyebabkan pembelajaran berlaku secara cetek atau tidak mendalam dan pelajar mendapati isi kandungan pembelajaran sangat abstrak, membosankan dan amat susah untuk mengaitkan masalah dengan dunia yang nyata. Untuk menarik minat pelajar, pensyarah perlu sentiasa memiliki idea baru dan kreatif dalam menuntut kepelbagaian kaedah PdP untuk mengatasi aras pembelajaran pelajar yang berbeza. Perancangan pengajaran yang menarik dan pendekatan adalah faktor untuk menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif dan bermotivasi kepada pelajar. Pelajar akan menunjukkan reaksi yang membosankan kerana kaedah yang tradisional iaitu *chalk and talk* digunakan bagi setiap pensyarah yang mengajar.

Pelajar sukar faham akibat daripada ketidakjelasan penerangan dan penggunaannya pada situasi sebenar. Akibatnya minat untuk mendalami subjek itu akan hilang dan mencetuskan masalah pembelajaran itu sendiri.

### **1.2 Objektif Kajian**

Kajian PdP ini dijalankan berpandukan beberapa objektif seperti berikut;

- i. Mengenalpasti tahap kecenderungan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram menerusi aplikasi mobile pada masa kini.
- ii. Mengenalpasti tahap penerimaan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram sebagai medium sokongan Pengajaran dan Pembelajaran.
- iii. Mengenalpasti tahap impak pelaksanaan penyampaian pengajaran dan pembelajaran menerusi sistem rangkaian media sosial telegram.

### **1.3. Persoalan Kajian**

Permasalahan kajian dapat dikenalpasti berdasarkan persoalan-persoalan kajian berikut;

- i. Sejauh manakah tahap kecenderungan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram menerusi aplikasi mobile pada masa kini?
- ii. Sejauh manakah tahap penerimaan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram sebagai medium sokongan Pengajaran dan Pembelajaran?
- iii. Sejauh manakah tahap impak pelaksanaan penyampaian pengajaran dan pembelajaran menerusi sistem rangkaian media sosial telegram?

### **1.4. Batasan kajian**

Kajian ini dijalankan di Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor. Sampel kajian terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus SSM 1102 Matematik bagi sesi Julai 2016. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan sistem rangkaian media sosial telegram dalam mengaplikasikan pembelajaran matematik menerusi tahap kecenderungan, penerimaan dan impak kepada pelajar. Maklumat yang diperolehi berdasarkan beberapa aspek berkaitan kecenderungan seperti pengetahuan, konsep, keperluan, kepenggunaan telefon pintar para pelajar. Selain daripada itu, tahap penerimaan pelajar juga akan dikaji berdasarkan aspek seperti latihan, kemudahan pelaksanaan dan mobile pembelajaran ini yang dihasilkan oleh bagi tujuan mengetahui perkembangan suasana e-pembelajaran yang dihasilkan. Skop kajian terakhir yang dikaji adalah tahap impak dan kesan pelaksanaan pembelajaran dari persepektif pelajar. Elemen yang dikaji seperti keyakinan, tahap kebersediaan, penggunaan dan kesan hasil daripada pelaksanaan pembelajaran secara atas talian ini. Keseluruhan skop kajian merangkumi tiga aspek ini akan dianalisa bagi melihat hubungkait perkembangan pembelajaran secara atas talian pada masa kini.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat kepada pihak-pihak berkaitan bagi mengetahui tahap perkembangan sistem rangkaian media sosial *telegram* sebagai alat bantu dalam pembelajaran. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan sumber rujukan oleh pihak Jabatan Pengajian Kolej Komuniti agar penemuan kajian ini dianalisa dengan lebih lanjut bagi melihat gambaran tahap kecenderungan, penerimaan dan impak pelajar terhadap pelaksanaan menerusi media sosial ini. Kajian berterusan dari masa ke semasa amat diperlukan bagi mengetahui keadaan sebenar tentang penggunaan media sosial sebagai aplikasi pembelajaran interaktif pada masa kini.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Kemajuan dalam aspek teknologi khususnya dalam sistem rangkaian media sosial memberi impak yang besar kepada bidang pendidikan di Kolej Komuniti Kuala Langat. Proses pengajaran bukan lagi tertumpu di bilik kuliah tetapi telah melangkaui batas sempadan pembelajaran. Aplikasi sistem rangkaian media sosial yang menyediakan pelbagai platform ini membolehkan ia diakses dalam pelbagai peralatan mudah alih. Menurut Wagner 2008, pembelajaran lebih bercorakkan pembelajaran sendiri (self-learning) yang hanya memerlukan peralatan mudah alih seperti *personel data assistants (PDA)*, *Palm Talk*, *Smartphone*, *iPAQ* dan *Pocket PC* untuk pengaksesannya. Kewujudan aplikasi seperti Email, Facebook dan terkini aplikasi dalam telefon pintar. Ia menawarkan kemudahan dan ciri-ciri yang berbeza dalam mengaplikasi pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar.

Bab ini akan membincangkan pengertian beberapa konsep penting yang terlibat dalam kajian ini seperti pedagogi dalam pendidikan, sistem pembelajaran, perkembangan sistem pendidikan, teknologi dalam pendidikan menjurus kepada sistem rangkaian media sosial telegram untuk pembelajaran *SSM 1102 Matematik* di Kolej Komuniti Kuala Langat. Kini, kebanyakan pelajar menggunakan pelbagai gajet pintar mudah alih seperti telefon pintar. Telefon pintar merujuk kepada telefon bimbit yang mempunyai ciri pengkomputeran maju dan ketersambungan berbanding dengan telefon bimbit biasa. Telefon pintar kini boleh dimampu milik hampir oleh setiap orang pelajar, merupakan salah satu gajet telefon yang terkenal di seluruh dunia yang menyediakan pelbagai variasi platform dengan pelbagai fungsi untuk capaian maklumat yang pantas seluruh dunia. Peralatan mudah alih ini menjadikan mobile pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan dimana sahaja berbanding dengan penggunaan buku nota yang mudah rosak (Ahmad Sobri 2010). Perkataan “pembelajaran” itu sendiri sebenarnya telah membawa maksud mudah alih kerana pembelajaran boleh berlaku dimana sahaja dan bila-bila masa (Vavoula & Sharples 2002). Sistem pendidikan pada alaf ini berada pada zaman kepesatan teknologi dimana keperluan terhadap teknologi sangat diperlukan bagi semua pihak. Teknologi dilihat mampu memberi impak yang positif kepada pelajar mahupun pensyarah. Lam and Lawrence (2002) menyatakan, “*technology provides learners with regulation of their own learning process and easy access to information the teacher may not be able to provide.*” Komunikasi secara digital di antara pelajar dan pensyarah berkembang pantas dengan pelbagai saluran baharu yang wujud selain daripada pertemuan bersemuka di dalam bilik kuliah.

### 2.1 Aplikasi Telegram dalam Pendidikan

Aplikasi Telegram pula membolehkan pengguna menghantar mesej, gambar, video dan fail dari pelbagai jenis seperti doc, zip, mp3 dan lain-lain lagi kepada pengguna Telegram yang lain. Aplikasi ini merupakan salah satu aplikasi pesanan mudah alih (*mobile messaging apps*) atau penghantaran mesej segera (*instant messaging*) yang berasal daripada Berlin, Jerman. Ia diperkenalkan pada tahun 2013 dan jumlah penggunaannya meningkat sepanjang tahun. Kelebihan penggunaan aplikasi Telegram ini mampu membuat kumpulan dari serendah 200 orang ahli dan boleh sehingga 5000 orang ahli sebagai *supergroup* melibatkan perkongsian fail dengan saiz kapasiti yang besar. Aplikasi ini tidak terhad kepada pengguna telefon pintar sahaja malah versi *desktop* juga diwujudkan bagi memudahkan pengguna berinteraksi melalui pelbagai saluran. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma dengan menggunakan sistem operasi iOs, Android, Windows Phone, PC dan web. Selain di telefon bimbit, pelajar boleh memilih untuk mengikuti sesi perbincangan melalui telegram web selagi mana pelajar mempunyai *desktop PC* dan nombor telefon. Kaedah ini

memudahkan pelajar selain sekadar mengikuti perbincangan, malah boleh memuat turun nota-nota yang dikongsi secara terus. Pensyarah akan sentiasa mengemaskini perbincangan di dalam ruang *channel* yang dibina dan pelajar boleh berbincang sesama rakan lain melalui ruang *chat group*. Menariknya, satu *ruang channel* dan *chat group* dapat dihimpunkan semua pelajar walaupun dalam kursus yang berbeza kerana mereka mengambil subjek yang sama. Ruang ini boleh menjadi *1 stop centre*, pencetus semangat dan persaingan sihat dalam tujuan pembelajaran mereka. Menurut Ayn Nur Azhana (2012), menyatakan seramai 71% orang pelajar menggunakan aplikasi pesanan mudah alih untuk tujuan pembelajaran yang merangkumi perbincangan, tugas, urusan kuliah, soal jawab subjek serta perkongsian nota dan boleh berbincang sesama mereka atau melibatkan pensyarah mereka untuk bertukar pendapat dan idea. Perbincangan boleh dilakukan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran disampaikan kepada pelajar di dalam kelas. Hasil perbincangan yang dijalankan, pendidik berupaya melihat kerjasama antara pelajar serta tahap pemahaman pelajar melalui respon yang diberi. Langkah pembetulan dapat dilakukan dengan segera oleh pensyarah jika pelajar memberikan pendapat yang salah berkenaan topik yang diajar.

## 2.2. Pengajaran dan pembelajaran Matematik

Matematik merupakan subjek atau mata pelajaran yang perlu diambil oleh para pelajar diperingkat *Sijil Kolej Komuniti*. Penggunaan teknologi dalam pendidikan merupakan media untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran telah diakui banyak memberi manfaat kepada pendidik dan pelajar. Pengalaman pembelajaran yang berbeza ini perlu untuk membina pelbagai jenis pembelajaran matematik. Mahmud (2001) pula menyatakan, adalah perlu aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan kaedah yang sesuai dapat digunakan dikalangan murid-murid yang lemah bagi menarik minat mereka dalam matapelajaran matematik. Dengan adanya maklumat ini juga dapatlah guru mengubahsuai kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka agar pelajar dapat mempelajari matematik dengan lebih seronok dan bermakna. Subjek ini memerlukan kaedah pembelajaran yang lebih efektif, tidak hanya tertumpu kepada corak pembelajaran tradisional atau pengkuliah secara syarahan sahaja kerana objektif pembelajaran juga mensasarkan keseimbangan pendidikan yang penting seperti mana yang digariskan kurikulum pendidikan.

## 2.3. Komunikasi dalam pendidikan

Menurut Kamus Dewan edisi ke empat menyatakan komunikasi sebagai perhubungan bahasa, melahirkan buah fikiran; menyebarkan atau menyampaikan maklumat. Menurut Saodah, Narimah & Mohd Yusof (2005), unsur asas dalam komunikasi terbahagi kepada empat iaitu sumber, penerima, mesej dan saluran. Sumber adalah tempat bermulanya proses komunikasi untuk menghasilkan mesej. Penerima merupakan sasaran mesej. Mesej pula adalah idea dan perasaan yang ingin dikongsi bersama di antara sumber dan penerima. Manakala saluran ialah jalan yang dilalui oleh mesej untuk sampai daripada sumber kepada penerima. Saluran berbeza mengikut bentuk komunikasi. Kemudian, unsur-unsur tambahan termasuklah maklum balas iaitu respon penerima, gangguan iaitu segala perkara yang menghalang komunikasi berkesan, kesan pula ialah hasil komunikasi samada pertambahan pengetahuan, perubahan sikap atau perlakuan dan persekitaran ialah tempat atau situasi di mana komunikasi berlaku. PdP menerusi aplikasi telegram ini melibatkan pensyarah berkomunikasi dengan pelajarnya, perkara yang perlu dipastikan adalah melalui saluran yang sesuai agar pelajar memperoleh kesannya. Ia mestilah melibatkan beberapa proses komunikasi iaitu siapa, apa yang disampaikan, media saluran, kepada siapa komunikasi tersebut dan kesan kepada komunikasi seperti bertambahnya pengetahuan dan pemahaman.

### 3.0. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan aspek penting dalam memastikan objektif serta matlamat kajian dapat dicapai seperti yang dirancang. Bab ini membincangkan tentang rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan prosedur analisa data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

#### 3.1 Rekabentuk Kajian

Penyediaan rekabentuk kajian dalam suatu penyelidikan adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan kajian. Rekabentuk kajian ini bertujuan membimbing pengkaji ke arah mendapatkan maklumat dan data berhubung dengan tujuan kajian dijalankan. Kajian yang dijalankan ini berupa kajian tinjauan yang merupakan kajian berbentuk deskriptif. Menurut Majid (2005), kaedah tinjauan digunakan untuk mengambil data atau maklumat dalam satu masa tertentu sahaja, selalunya dengan menggunakan set soal selidik. Pengkaji hanya meninjau situasi dalam satu masa tertentu dan ini seolah-olah satu snap shot yang menggambarkan situasi semasa. Pengkaji mendapatkan maklum balas daripada responden tentang latar belakang, pengetahuan sedia ada berkenaan kesesuaian, minat dan kefahaman terhadap subjek matematik terhadap penggunaan media sosial telegram.

#### 3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Pemasangan Elektrik Kolej Komuniti Kuala Langat .Seramai 40 orang pelajar dipilih sebagai responden kajian.

#### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah menggunakan pendekatan kuantitatif. Tinjauan yang dinilai menggunakan instrumen soal selidik yang telah dibangunkan untuk mendapatkan maklumat yang ingin diperolehi. Soal selidik tersebut mengandungi tiga (3) bahagian, iaitu Bahagian A, dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi empat (4) soalan berkaitan dengan demografi responden. Ia mengandungi item untuk mendapatkan maklumat mengenai jantina, umur dan kelayakan akademik responden. Bahagian B pula mengarap 3 persoalan berkaitan dengan objektif kajian iaitu kesesuaian, minat, dan kefahaman mengenai penggunaan media sosial telegram dalam pengajaran matematik. Set soal selidik ini mengandungi 13 soalan secara keseluruhannya. Untuk tujuan analisa data, skala Likert dikodkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

**Jadual 3.1: Skala Likert**

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5
TIDAK SETUJU			SETUJU	

### 4. ANALISIS DAN KEPUTUSAN

Hasil dapatan kajian responden dan analisa data disusun mengikut soalan yang terkandung di dalam borang soal selidik.

#### 4.1 Jantina, bangsa, umur, dan taraf pendidikan responden

Daripada 40 orang responden, 31 orang responden (77.5%) adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan iaitu 9 orang (22.5%). Seramai 36 orang responden yang berbangsa Melayu dan 3 orang berbangsa cina dan seorang india. Bagi kategori umur pula lingkungan 13 – 20 tahun yang paling ramai iaitu 32 orang dan bakinya adalah 8 orang untuk kategori umur pula lingkungan 21 –30 tahun. Responden bagi kajian ini adalah 100% taraf pendidikannya adalah SPM.

4.2. Bahagian B ini menjawab persoalan kajian bagi mencapai objektif kajian. Bahagian ini mempunyai 9 soalan sahaja yang memberi jawapan kepada tiga persoalan kajian iaitu kesesuaian, minat dan kefahaman terhadap penggunaan media sosial telegram dalam proses PdP.

Soalan 1 hingga 3 akan menjawab objektif kajian yang pertama iaitu tahap kecenderungan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram dalam pengajaran dan pembelajaran. Tinjauan yang dijalankan 97.5% bersetuju aplikasi ini boleh digunakan untuk pdp dan ia boleh diakses menerusi pelbagai peranti termasuk komputer. Sebanyak 90% pelajar menyatakan mereka membolehkan menguasai isi pelajaran yang disampaikan. Seterusnya soalan 4 hingga 6 pula mengukur tahap penerimaan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram sebagai medium sokongan Pengajaran dan Pembelajaran sebanyak 94.5 % menyatakan ia menarik minat dengan kaedah penyampaian terkini, boleh disesuaikan mengikut kesesuaian masa pelajar dan mudah untuk membuat ulangkaji. Untuk mencapai objektif terakhir pernyataan soalan 7 hingga 9 pula diuji untuk mengetahui tahap impak pelaksanaan penyampaian pengajaran dan pembelajaran menerusi sistem rangkaian media sosial telegram. Sebanyak 95% responden menyatakan ia menjimatkan kos manakala 97.5% responden menyatakan ia sesuai digunakan pembelajaran secara berkumpulan

Jadual 3.1: Skala Likert Mengenai Persetujuan Responden

Bil.	Item	Persetujuan Responden					Min
		Skala Likert					
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju	
(STS) (%)	(TS) (%)	(KS) (%)	(S) (%)	(SS) (%)			
<b>Mengenalpasti tahap kecenderungan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram menerusi aplikasi mobile pada masa kini.</b>							
1.	Aplikasi ini mudah digunakan	2.5	-	-	35	62.5	4.55
2.	Aplikasi boleh diakses di pelbagai peranti termasuk komputer	2.5	-	-	32.5	65	4.58
3.	Dapat menguasai isi pelajaran	-	2.5	7.5	37.5	52.5	4.44
<b>Mengenalpasti tahap penerimaan pelajar menggunakan sistem rangkaian media sosial telegram sebagai medium sokongan Pengajaran dan Pembelajaran.</b>							
4.	Menarik minat saya	--	2.5	2.5	42.5	52.5	4.45
5.	Mengikut kesesuaian masa saya	-	2.5	5.0	52.5	40	4.28
6.	Mudah untuk mengulangkaji pelajaran	-	-	7.5	35	57,5	4.50
<b>Mengenalpasti tahap impak pelaksanaan penyampaian pengajaran dan pembelajaran menerusi sistem rangkaian media sosial telegram.</b>							
7.	Menjimatkan masa	-	2.5	2.5	37.5	57.5	4.48
8.	Menjimatkan kos	-	2.5	2.5	50.0	45.0	4.35
9.	Mudah pembelajaran secara berkumpulan	-	-	2.5	25	72.5	4.67




## 5. KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, secara keseluruhannya penggunaan aplikasi media sosial telegram dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dipraktikkan bagi Program teknologi maklumat dan sijil pemasangan elektrik di Kolej Komuniti Kuala Langat. Hasil dapatan semua elemen dan item persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi. Min yang tertinggi adalah persoalan adalah memudah pembelajaran secara berkumpulan dengan skor min 4.68. Perkongsian pembelajaran sangat memberi kesan kepada pembelajaran subjek matematik untuk menjamin keselarasan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar. Bilangan pelajar yang keciciran dapat diminimalkan kerana pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran tersebut pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Pembelajaran lebih fleksibel, mudah dan tidak lagi perlu membuat salinan bahan pembelajaran secara fizikal. Kaedah mengulang kaji secara atas talian kini mengikut keperluan masa pelajar sendiri. Masa yang diperuntukkan di dalam jadual adalah sangat terbatas dan tidak dapat diubah, tetapi pensyarah boleh menggunakan dengan kebijaksanaan masing-masing menerusi penggunaan aplikasi media sosial telegram untuk meningkatkan mutu pembelajaran pelajar dalam subjek matematik

## RUJUKAN

- Ahmad Sobri Shuib. (2010). *Reka Bentuk Kurikulum M-Pembelajaran Sekolah Menengah: Teknik Delphi*. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in Information and Communication Technology 2010, pp. 652-665.
- Aminudin Mansur (2014). *Asuhan Anak Amanah Ibu Bapa*. Utusan Malaysia Online ([http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140625/re\\_05/Asuhan-anak-amanah-ibu-bapa#ixzz4CNnyJma4](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140625/re_05/Asuhan-anak-amanah-ibu-bapa#ixzz4CNnyJma4)) [15 April 2016].
- Ayn Nur Azhana Azhar Amanullah & Noor Azian Mohamad Ali. (2004). *The Most Favourable Mobile Messaging Apps among IIUM Students*. International Journal of Science and Research (IJSR) ISSN 2319-7064, Vol.3 Issue 12, Dec 2014, pg. 2497- 2502.
- Lam, Y., & Lawrence, G (2002). *Teacher-student role redefinition during a computer-based second language project: Are computers catalysts for empowering change??* Computer Assisted Language Learning, Vol.15, No.3, pp. 295-315.
- Mahmud Yahya, (2001). *Keupayaan Dan Kemahiran Berfikir Dalam Penyelesaian Matematik Tambahan*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mok Soon Sang (1992). *Pengenalan Kepada Pedagogi*, Kumpulan Budiman Sdn Bhd
- Saadah Wok, Narimah Ismail, Mohd Yusof Hussain (2005) *Teori-Teori Komunikasi*, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Yusuf Hashim (2003). *Konsep dan Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Instruksional dan Pembelajaran*. Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan ke-16. 13-16 Jun 2003.hal 165. Kuala Lumpur: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia.

Vavoula, G. N., & Sharples, M. ( 2002). *KLeOS: A Personal, Mobile, Knowledge And Learning Organisation System*. In *Milrad, M. Hoppe, U. Kinshuk (Eds)*. Proceedings of the IEEE International Workshop on Mobile and Wireless Technologies in Education, Aug 29-30, Vaxjo, Sweeden, pp. 152-156



Buku "Proceeding **iCompEx,17**" mengumpulkan semua kajian ilmiah yang dijalankan oleh pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Buku ini diterbitkan khususnya untuk tujuan perkongsian ilmu selain untuk bahan sokongan kepada para pensyarah dan tenaga pengajar dalam bidang pendidikan yang berkenaan. Buku ini amat sesuai untuk pelajar yang sedang menjalankan projek semester akhir menjerus kepada kajian projek ilmiah.

Disamping itu, buku ini dikumpulkan dalam bentuk abstrak yang jelas dan disusun berdasarkan susunan mengikut kategori bagi memudahkan pembaca untuk membaca mengikut bidang yang dikehendaki. Kandungan keseluruhan berbentuk interaktif dan pembaca boleh mendapat bahan rujukan terus melalui CD.

PLEASE SIGN HERE

Copyright Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
2017

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

*We cannot solve a problem by using the same kind of thinking we used when we created them. [Albert Einstein]*